

TEKS UCAPAN PERASMIAN

PROF. DR. D KAMARUDIN D MUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEMPENA PERSIDANGAN ANTARABANGSA AGAMA DAN MASYARAKAT
KALI KE-2

22 OGOS 2017 (SELASA) | 9.30 PAGI
PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Assalamualaikum WBT., Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

SALUTASI (akan dimuktamadkan)

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka dapatlah kita hadir dan menyertai Persidangan Antarabangsa Agama dan Masyarakat kali ke-2, 2017”.

Pertama sekali, izinkan saya untuk mengucapkan selamat datang kepada semua pembentang dan peserta yang hadir pada hari ini ke negeri Sabah, Negeri Di Bawah Bayu, negeri yang sering dirujuk sebagai model hubungan etnik yang perlu dicontohi di Malaysia. Masyarakatnya berbilang agama, bangsa dan budaya, saling menghormati dan menghargai antara satu sama lain. Di sini, kita dapat lihat bagaimana masyarakat yang berbilang agama tinggal dalam sebuah rumah sebagai satu keluarga. Justeru, pada hemat saya, amat sesuai sekali persidangan yang bertemakan “Agama dan Keharmonian Sejagat” diadakan di UMS. Tanpa disedari pada hari ini, kita sedang berada dalam masyarakat yang telah membuktikan bahawa perbezaan agama bukanlah masalah untuk menikmati kehidupan yang aman, damai dan harmoni.

Hadirin Hadirat yang saya hormati sekalian,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), UMS atas penganjuran persidangan ini yang turut melibatkan kerjasama dengan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Islamic Studies Research Center School of Liberal Arts, Walailak University dan Kelab Sukarelawan Pacuan Empat Roda UMS, yang turut menjadi penganjur bersama. Saya difahamkan sebanyak 160 kertas kerja akan dibentangkan oleh para pembentang dari pelbagai negara yang akan membincangkan pelbagai subjek dan isu berkaitan agama dari pelbagai perspektif. Selain pembentang dari Malaysia, terdapat juga pembentang dari Amerika

Syarikat, India, Filipina, Thailand, Indonesia dan Brunei. Saya yakin, kepelbagaian latar belakang ahli akademik yang datang dari pelbagai negara akan menjadikan persidangan ini lebih bermakna dan bermanfaat.

Pada hemat saya, sambutan yang menggalakkan ini menunjukkan kepada kita bahawa tema "Agama dan Keharmonian Sejagat" merupakan tema penting masyarakat hari ini, dan perlu diangkat dalam perbincangan akademik seperti ini. Mudah-mudahan hasilnya nanti, dapat dimanfaatkan oleh masyarakat seluruhnya. Kita perlu menyampaikan mesej yang benar kepada masyarakat bahawa falsafah hidup beragama adalah untuk mencapai keamanan, kedamaian dan keharmonian; dan bukan sebaliknya. Adalah diharapkan agar para pembentang dan peserta dapat memanfaatkan platform ini untuk berbincang dan berkongsi idea sesuai dengan kepakaran masing-masing bagi mewujudkan masyarakat yang lebih toleran dan saling hormat-menghormati antara satu dengan yang lain di mana jua berada.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan sekali lagi kepada semua yang terlibat dengan penganjuran persidangan ini. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang dalam bidang-bidang yang lain seperti penyelidikan, penerbitan dan sebagainya.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan **Persidangan Antarabangsa Agama dan Masyarakat kali ke-2, 2017.**

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh